

**TEKS UCAPAN MAJLIS PEMBUKAAN NAIB CANSOLOR  
Y. BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN  
SEMPENA MAJLIS PEMBUKAAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA  
“THE 2<sup>ND</sup> INTERNATIONAL CONFERENCE ON ENGINEERING & ICT  
(ICEI 2010)”  
DI HOTEL HOLIDAY INN, MELAKA  
(20 minit)**

BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN  
SALAM 1MALAYSIA

TERIMA KASIH PENGACARA MAJLIS,

Y. BHG. DATO' DR. MOHD TAIB BIN HASHIM,  
PENGERUSI, LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI TEKNIKAL  
MALAYSIA MELAKA, MEWAKILI Y.B DATO' SERI MOHAMED KHALED  
BIN NORDIN, MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA.

Y. BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

Y. BHG. PROF. DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI  
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Y. BHG. ENGR. PROF. DR. MARIZAN BIN SULAIMAN,  
DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK  
MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA PELAKSANA ICEI2010

PEMBENTANG UCAPTAMA,

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,  
PEMBENTANG KERTAS KERJA,  
PESERTA PERSIDANGAN,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

SEGALA PUJI-PUJIAN BAGI ALLAH S.W.T. TUHAN SEKALIAN ALAM YANG TELAH MENGIZINKAN KITA UNTUK SAMA-SAMA BERHIMPUN DI PAGI INI PADA MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA KALI KEDUA YANG DIANJURKAN OLEH UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM). MARILAH KITA PANJATKAN KESYUKURAN DENGAN LIMPAH KURNIA DAN NIKMAT YANG BERMAKNA INI.

PERTAMA SEKALI, SAYA SANGAT MENGALU – ALUKAN KEDATANGAN Y.BHG. DATO' DR. MOHD TAIB BIN HASHIM, MEWAKILI Y.B DATO' SERI MOHAMED KHALED BIN NORDIN, MENTERI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA KE PERSIDANGAN ANTARABANGSA KEJURUTERAAN & ICT 2010 KALI KE-2 YANG DIANJURKAN OLEH UTEM.

1. SAYA INGIN MENGUCAPKAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PARA PESERTA PERSIDANGAN TERUTAMANYA PENYELIDIK, AKADEMIK, JURUTERA SERTA PARA PELAJAR SEKALIAN. KEDATANGAN ANDA SEMUA DI PERSIDANGAN '2<sup>ND</sup> INTERNATIONAL CONFERENCE ON

ENGINEERING & ICT 2010 (ICEI2010)” AMAT DIHARGAI DAN DIHARAPKAN SEMOGA PERSIDANGAN INI AKAN MENJADI LANDASAN UTAMA KEPADA PERBINCANGAN DAN PERKONGSIAN HASIL PENYELIDIKAN YANG TERKINI.

2. SAYA DAPAT MERASAKAN BUKANLAH SESUATU YANG MUDAH DAN SENANG UNTUK MENGANJURKAN PERSIDANGAN SEPERTI INI YANG KEHADIRANNYA BUKAN SAHAJA DARI PESERTA DIDALAM NEGARA BAHKAN JUGA LUAR NEGARA. OLEH ITU, SECARA PERIBADI SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK KERANA DAPAT MENGANJURKAN PERSIDANGAN YANG PADA PENDAPAT SAYA BUKAN SAHAJA DAPAT MENAIKKAN NAMA UTEM DI PERINGKAT NEGARA BAHKAN JUGA DIPERINGKAT DUNIA. KEJAYAAN INI SEKALIGUS MEMPERLIHATKAN KESUNGGUHAN, KECEKAPAN DAN KOMITMEN YANG TINGGI OLEH SETIAP AHLI JAWATANKUASA PELAKSANA. SEKALUNG TAHNIAH DIUCAPKAN.
3. TUJUAN UTAMA PERSIDANGAN INI DIADAKAN ADALAH SEBAGAI SALAH SATU USAHA BAGI MEREALISASIKAN VISI DAN MISI UNIVERSITI MELALUI AKTIVITI PENYELIDIKAN YANG BERTERASKAN TUJUH BIDANG TUJAHAN YANG TELAH DIKENAL PASTI SELARI DENGAN KEHENDAK DAN HASRAT KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI. BIDANG-BIDANG ITU DIANTARANYA ADALAH MERANGKUMI KEJURUTERAAN ELEKTRIK, ELEKTRONIK, MEKANIKAL, PEMBUATAN, TEKNOLOGI

MAKLUMAT DAN PENGURUSAN TEKNOLOGI. KEMAJUAN DALAM KESEMUA BIDANG INI DIHARAPKAN DAPAT MENJADI PEMANGKIN KEPADA PENINGKATAN EKONOMI NEGARA DAN MENJADI KEKUATAN KEPADA KITA UNTUK BERSAING DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

#### MENGIMBAS SEJARAH UTEM & PENGANJURAN ICEI

#### 4. YANG BERBAHAGIA DATO', TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN;

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTEM) ADALAH SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM YANG DITUBUHKAN PADA TAHUN 2000 DAN DIKATEGORIKAN SEBAGAI UNIVERSITI BERFOKUS YANG MENAWARKAN PROGRAM KEJURUTERAAN DAN ICT YANG PERLAKSANAANNYA BERTERASKAN APLIKASI DAN AMALAN. MELALUI KAEDAH OUTCOME BASED EDUCATION YANG DIPRAKTISKAN, PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BERTERASKAN TEORI DAN APLIKASI DITERJEMAHKAN MELALUI AKTIVITI DI MAKMAL, BENGKEL, LAWATAN DAN PENDEDAHAN KEPADA LATIHAN INDUSTRI. KONSEP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MEMFOKUSKAN KEPADA KOMPETENSI, PENYELESAIAN MASALAH, PEMBANGUNAN PROJEK BERKAITAN INDUSTRI DAN KAJIAN KES. DENGAN SOKONGAN KELENGKAPAN PERALATAN MAKMAL TERKINI SESUAI DENGAN KEPERLUAN INDUSTRI

AKAN DAPAT MELAHIRKAN PELAJAR DAN PENYELIDIK YANG MEMPUNYAI MODAL INSAN KELAS PERTAMA.

5. DENGAN KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI SEJAK PENUBUHANNYA, UTEM TERUS CEMERLANG DARI ASPEK AKADEMIK & PENYELIDIKAN HINGGA KE PERINGKAT ANTARABANGSA. TAHUN INI MERUPAKAN KALI KE-2 UTEM MENGANJURKAN PERSIDANGAN INI LANJUTAN DARIPADA PERSIDANGAN KALI PERTAMA YANG TELAH DIADAKAN PADA TAHUN 2007. PERSIDANGAN PADA KALI INI YANG BERTEMAKAN “POWERING TECHNOLOGY THROUGH SUSTAINABLE DEVELOPMENT” MEMPUNYAI OBJEKTIF UNTUK MEMBINA DAN MENGGALAKKAN KERJASAMA BERTERUSAN YANG MELUAS DI KALANGAN PENYELIDIK, AHLI AKADEMIK DAN PENGAMAL TEKNOLOGI IAITU DALAM USAHA MENANGANI PELBAGAI ISU DI DALAM BIDANG KEJURUTERAAN DAN ICT. DIHARAPKAN MELALUI PENGANJURAN PERSIDANGAN INI AKAN DAPAT MEWUJUDKAN JALINAN KERJASAMA ANTARA URUSETIA DAN PIHAK INDUSTRI DALAM PELBAGAI BIDANG KEJURUTERAAN DAN ICT.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

6. DALAM MENJAYAKAN SASARAN NEGARA UNTUK MELAHIRKAN MODAL INSAN KELAS PERTAMA DAN MASYARAKAT SAINTIFIK BAGI MENCAPAI MODAL EKONOMI BARU NEGARA,

PERSIDANGAN ANTARABANGSA SEBEGINI DIHARAPKAN DAPAT MEMBERI IMPAK DAN MOMENTUM KEPADA PENYELIDIK DAN AHLI AKADEMIK.

7. "POWERING TECHNOLOGY THROUGH SUSTAINABLE DEVELOPMENT" MEMBERI FOKUS UTAMA KEPADA PEMBANGUNAN LESTARI DAN PENEMUAN TEKNOLOGI BARU DAN TERKINI UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN PADA MASA INI DAN AKAN DATANG IAITU DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN DAN SUMBANGAN KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGARA, MASYARAKAT DAN ALAM SEKITAR.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

8. OBJEKTIF PERSIDANGAN INI ANTARA LAINNYA ADALAH UNTUK MENYEDIAKAN PLATFORM PADA PENYELIDIK DAN AHLI AKADEMIK UNTUK BERINTERAKSI DAN BERTUKAR PENDAPAT DENGAN GOLONGAN PROFESSIONAL DARI PELBAGAI BIDANG. SAYA PERCAYA MENERUSI PERSIDANGAN INI JUGA KUALITI PENYELIDIKAN DAPAT DINILAI DAN DISEBARKAN BAGI PEMBANGUNAN MASYARAKAT SAINTIFIK YANG DAPAT MENYUMBANG KEPADA MODAL BARU EKONOMI NEGARA. MALAHAN DAPAT MEMBANTU MENGETENGAHKAN IDEA DAN HASIL PENYELIDIKAN TENAGA AKADEMIK UNTUK KEGUNAAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT.

9. PIHAK KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN PELBAGAI KEMUDAHAN DANA PENYELIDIKAN YANG MERANGKUMI PENYELIDIKAN BERSIFAT TEORI, APLIKASI, STRATEGI, PROTOTAIP DAN PENGKOMERSIALAN KEPADA PENYELIDIK & AHLI AKADEMIK YANG MEMPUNYAI IDEA-IDEA BARU DAN PRAKTIKAL UNTUK DIBANGUNKAN DAN DIKOMERSIALKAN. SABAN TAHUN PERUNTUKAN UNTUK PENYELIDIKAN SENTIASA MENINGKAT, DITAMBAH PULA DENGAN PELBAGAI INSENTIF DIPERKENALKAN SUPAYA USAHA-USAHA PENYELIDIKAN BERKEMBANG SERTA DIJADIKAN BUDAYA DALAM NEGARA KHUSUSNYA DALAM KALANGAN BIJAK PANDAI DI UNIVERSITI. OLEH ITU, KITA SEPATUTNYA MENGGUNAKAN SUMBER INI SECARA OPTIMUM DAN EFEKTIF UNTUK MENCAPAI OBJEKTIF ORGANISASI. MAKLUMAT - MAKLUMAT PENCAPAIAN DAN PENEMUAN SAINTIFIK TERKINI DALAM BIDANG KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI DI PERINGKAT ANTARABANGSA HARUS DISEBARKAN.

10. KEJAYAAN SESEBUAH NEGARA BERGANTUNG KEPADA TEKNOLOGI. TETAPI KITA DIHARAP TIDAK RAKUS MENCIPTA PELBAGAI BENTUK TEKNOLOGI YANG CANGGIH HINGGA MELUPAKAN ASPEK PERSEKITARAN DAN KESAN YANG AKAN DIHADAPI KEPADA GENERASI MASA HADAPAN. MENYEDARI AKAN KEPERLUAN INI MAKA UNIVERSITI DAN INDUSTRI PERLU BERFIKIR DAN BERTINDAK SECARA GLOBAL DAN PROFESSIONAL DENGAN MELONTAR DAN MENCIPTA PELBAGAI IDEA BARU YANG KREATIF SERTA INOVATIF. HASIL

PENYELIDIKAN YANG MEMPUNYAI NILAI KOMERSIAL DAN BERIMPAK TINGGI HENDAKLAH DIMAJUKAN SECARA BERSAMA-SAMA ANTARA UNIVERSITI DAN INDUSTRI SUPAYA DAPAT MENYUMBANG KEPADA PENJANAAN SUMBER PENDAPATAN NEGARA DAN MENYEDIAKAN PELUANG-PELUANG PEKERJAAN BARU DAN MENINGKATKAN PENDAPATAN.

11. JUSTERU, SAYA BERHARAP AGAR PERSIDANGAN ANTARABANGSA KALI INI DAPAT MEMBERI IMPAK DAN KESAN POSITIF KEPADA SEMUA PIHAK. BUKAN SAHAJA PESERTA DAPAT MENJADIKAN LANDASAN INI SEBAGAI MEDAN BERTUKAR PENDAPAT MALAH DIHARAP DAPAT MEMBUAHKAN HASIL SEPERTI YANG DIHARAPKAN. AKHIR KATA DARI SAYA, SAYA SENTIASA BERHARAP AGAR PENYELIDIKAN INI TIDAK HANYA BERHENTI DISINI DAN SEBOLEHNYA DISARANKAN AGAR SEMUA PENYELIDIK AKAN TETAP MENJALANKAN KERJASAMA YANG ERAT AGAR DAPAT MENJADI PEMANGKIN KEPADA KEMAJUAN INDUSTRI SEBAGAI PERSEDIAAN MEMACU NEGARA KE ARAH WAWASAN 2020. DENGAN HARAPAN DAN DOA INI, SAYA BERHARAP AGAR PERSIDANGAN “2<sup>ND</sup> INTERNATIONAL CONFERENCE ON ENGINEERING & ICT 2010” INI BERJALAN DENGAN LANCAR DAN DIBERKATI ALLAH.

IZINKAN SAYA MENERUSKAN UCAPAN DALAM BAHASA INGGERIS



## 12. DEAR DISTINGUISHED PARTICIPANTS,

FIRST OF ALL I WOULD LIKE TO SAY WELCOME AND THANK YOU FOR YOUR PARTICIPATION IN THIS CONFERENCE. I HOPE THIS CONFERENCE WILL BECOME A PLATFORM FOR US TO SHARE OUR LATEST RESEARCH AMONG THE ACADEMICS, RESEARCHERS, AND PROFESSIONALS FROM THE INDUSTRY. THIS IS THE SECOND TIME UTEM ORGANIZES THE CONFERENCE AFTER THE FIRST ONE IN 2007. WITH THE THEME OF “POWERING TECHNOLOGY THROUGH SUSTAINABLE DEVELOPMENT”, WE ARE FOCUSING ON THE RESEARCH AND DEVELOPMENT OF NEW CREATIVE AND INOVATIVE IDEAS THAT ABLE TO CONTRIBUTE TO THE DEVELOPMENT OF THE COUNTRY’S ECONOMY, SOCIETY AND THE ENVIRONMENT. SUSTAINABLE DEVELOPMENT ALSO MEANS THAT THE WEALTH AND DEVELOPMENT THAT WE ARE CREATING TODAY WILL NOT SACRIFICE THE FUTURE OF THE NEXT GENERATION. THE GOVERNMENT IS PROVIDING ALL THE FACILITIES, GRANTS AND INCENTIVES SO THAT ALL THE NEW IDEAS IN TECHNOLOGY CAN BE DEVELOPED AND BE COMMERCIALISED. FOR THAT, IT IS IMPORTANT FOR US AS AN ACADEMICS, RESEARCHERS AND PROFESSIONALS IN THE INDUSTRY TO SHARE OUR FINDINGS WITH THE OTHERS. I HOPE THIS CONFERENCE WILL GIVE A POSITIVE IMPACT AND WILL OPEN AN OPPORTUNITY FOR MORE COLLABORATION ESPECIALLY AMONG THE ACADEMICS AND THE INDUSTRY FOR THE GOOD OF THE COUNTRY.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK, WASSALAMUALAIKUM  
WARAHMATULLALLAH WABARAKATUH.